

Pelajar UMP dihanyutkan air deras masih belum ditemui



Oleh **Roselan Ab Malek** - Januari 5, 2021 @ 7:11pm
bhnews@bh.com.my



Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris, turut membantu operasi mencari dan menyelamatkan pelajar UMP yang dihanyutkan arus deras Sungai Puas di Kampung Gintong petang ini, yang masih belum ditemui. - Foto Roselan Ab Malek

JERANTUT: Pelajar Fakulti Komputeran Universiti Malaysia Pahang (UMP), Uqail Iskandar Zulkarnain, yang masih hilang dipercayai lemas di Sungai Puas, dekat Kampung Gintong, kira kira 16 kilometer dari sini, tengah malam kelmarin masih belum ditemui.

Dalam kejadian itu, lelaki berusia 23 tahun itu bersama bapanya, Zulkarnain Hitam, 58 seorang kakitangan Pejabat Hutan Jerantut dihanyutkan arus deras ketika cuba menyeberangi laluan dinaiki air di Sungai Puas, dekat Kampung Gintong Tebing Tinggi, kira-kira jam 10.30 malam.

Bagaimanapun, mayat Zulkarnain ditemui kira-kira jam 2 pagi manakala dua lagi anaknya iaitu Usyair Iskandar, 13 dan Umar Iskandar, 15 selamat dalam kejadian itu.

Ketua Polis Daerah Jerantut, Superintendan Mazlan Hassan berkata, sehingga jam 6 petang tadi, Uqail Iskandar masih belum ditemui di lokasi kejadian selepas operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dimulakan sejak jam 8.30 pagi tadi.

"Operasi mencari diteruskan sejak pagi dan sehingga petang ini masih belum ditemui," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Jerantut., Mohamad Zulkifli Mohamad Zainal, berkata operasi hari ini yang bermula jam 8.30 pagi turut disertai oleh seramai lima anggota Unit Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dari Temerloh.

Katanya, seramai 33 orang terbabit dalam operasi SAR hari ini termasuk 16 penduduk Kampung Gintong.

Beliau berkata, kawasan pencarian di lakukan sekitar 50 meter ke 100 meter dari tempat kejadian berlaku kerana di kawasan itu air tenang tetapi masih dalam.

Katanya operasi akan dihentikan pada 7 malam ini jika masih belum ditemui dan akan disambung esok.